

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)63

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

63. Apakah pelan jangka masa pendek dan panjang bagi kerajaan untuk menggalakkan golongan muda menceburi dalam bidang pertanian?
- (a) Apakah skim dan insentif yang disediakan oleh kerajaan kepada petani muda dan baru?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

63. Kerajaan Negeri dengan kerjasama jabatan/agensi di bawah Jawatankuasa MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan telah memperkenalkan beberapa inisiatif jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk menggalakkan golongan muda menceburi sektor pertanian terutamanya dalam aspek teknologi dan inovasi moden.

Bagi langkah jangka masa pendek, program dan bengkel iaitu Ekspo *Agro Buddies* yang bertujuan untuk mendekatkan belia dan pelajar sekolah dengan teknologi berasaskan agroteknologi serta menawarkan bengkel tanaman dan pertandingan inovasi telah dianjurkan. Program yang melibatkan kerjasama dengan Institusi

Pengajian Tinggi (IPT) seperti UiTM ini juga bertujuan untuk menyemai minat awal dalam kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa IPT mengenai potensi pertanian moden dan pengkomersialan hasil tani.

Bagi jangka masa panjang, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Ara Kuda dan Mayfield serta Agropark Permatang Pauh dan Batu Kawan. Berada di lokasi strategik di Negeri Pulau Pinang, TKPM dibangunkan dengan tujuan untuk menyediakan ruang khas bagi aktiviti pertanian yang lebih tersusun dan efisien, memudahkan petani untuk mendapatkan akses kepada fasiliti moden serta sokongan infrastruktur yang lebih baik. Ia sekaligus dapat meningkatkan daya tahan serta kemampanan dalam sektor pertanian negeri sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2021-2030 yang memfokuskan kepada agroteknologi dan inovasi moden bagi memastikan keterjaminan makanan dan menyokong petani muda di Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, pendekatan digital dan media sosial turut digunakan bagi mempopularkan pertanian dalam kalangan belia seperti

mempromosikan teknik pertanian bandar yang mampu menarik perhatian golongan belia. Inisiatif ini diharap dapat memperkasakan generasi muda untuk menjadikan sektor pertanian sebagai bidang yang stabil dan lestari untuk masa hadapan.

- (a) Kerajaan Negeri turut menyediakan beberapa skim dan insentif bagi membantu petani muda serta individu yang baru menceburi bidang pertanian. Inisiatif utama adalah Tabung Usahawan Tani Muda (TUT) yang merupakan skim pinjaman mikro di mana ia menawarkan bantuan tanpa faedah sehingga RM6,000.00 khususnya kepada golongan petani muda di bawah usia 40 tahun. Ia bertujuan untuk mendorong golongan muda yang terlibat dalam sektor pertanian dengan menyediakan modal permulaan yang mudah diakses dengan bayaran balik tanpa faedah bagi pinjaman kali pertama.

Selain itu, bantuan teknikal dan modal projek dalam bentuk peralatan serta input seperti racun rumpai, baja dan benih turut disediakan melalui program pembangunan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi dan amalan pertanian moden. Bagi pembangunan

projek Industri Asas Tani (IAT), tumpuan diberikan kepada pembangunan modal insan secara latihan, pembangunan produk serta program promosi produk dan usahawan. Ketiga-tiga aspek ini dilaksanakan bagi memastikan usahawan muda yang dibimbing mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti produk seterusnya dapat meningkatkan pendapatan perusahaan masing-masing di dalam bidang pertanian.